

Ciri-ciri Kitaran Hayat Keluarga: Satu Tinjauan ke atas Keluarga-keluarga di Lembah Kelang

Zaharah Bakar

ABSTRAK

Kebanyakan penyelidikan yang telah dijalankan adalah mengenai ciri-ciri Kitaran Hayat Keluarga di negeri-negeri Barat. Ciri-ciri ini agak berbeza dengan ciri-ciri Kitaran Hayat Keluarga di Malaysia, amnya kerana terdapat perbezaan dalam cara hidup, kebudayaan, ekonomi, politik dan lain-lain lagi. Objektif kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenalpasti ciri-ciri Kitaran Hayat Keluarga di Lembah Kelang, khususnya. Beberapa tempat di sekitar Lembah Kelang telah dipilih secara rambang untuk menggambarkan keadaan di Malaysia. Hasil kajian yang dijalankan telah mengenalpasti 6 peringkat Kitaran Hayat Keluarga. Peringkat-peringkat ini termasuk bujang, isrumah tanpa anak, kediaman penuh I (anak di bawah 6 tahun), kediaman penuh II (anak di atas 6 tahun), kediaman penuh III (anak mula meninggalkan keluarga) dan kediaman kosong (anak-anak tidak tinggal bersama). Kajian ini telah mendapati bahawa kebanyakan keluarga-keluarga di Lembah Kelang sekarang berada dalam peringkat bujang, Kediaman penuh I, kediaman penuh II dan kediaman penuh III. Kajian ini juga telah membuktikan terdapat ciri-ciri perbezaan di antara peringkat-peringkat dalam Kitaran Hayat Keluarga di Lembah Kelang. Dengan mengenalpasti ciri-ciri perbezaan ini, ahli-ahli pemasaran dapat membentuk strategi pasaran yang lebih tepat lagi.

ABSTRACT

Most researches that have been done were about the characteristics of family life cycle in the Western Countries. These characteristics were quite different in some way or another compared to the family life cycle in Malaysia, generally, because there are differences in the life styles, culture, economy, politics and others. The objective of this study is to identify the characteristics of the family life cycle mainly in Kelang Valley. Several places in the valley have been selected randomly to portray the situation in Malaysia. This study has identified 6 stages of family life cycle. Those stages include bachelorhood, married couples (without children), parenthood (with children under 6 years), parenthood (with children over 6 years), postparenthood and dissolution. The study showed that the majority of the Kelang Valley families are now in stages of bachelorhood, parenthood (with oldest child under 6 years), parenthood

(with youngest child above 6 years) and postparenthood. The study has proven that there were differences in the characteristics in the level of family life cycle in the Kelang Valley. With the identification of these differences in the characteristics, marketers will be able to develop a better marketing strategy to penetrate the market.

PENGENALAN

Terdapat beberapa ciri yang tertentu mengenai Kitaran Hayat Keluarga yang membezakan di antara satu peringkat dengan peringkat yang lain. Kitaran Hayat Keluarga adakah satu konsep yang menjelaskan peringkat-peringkat yang dilalui oleh kebanyakan keluarga. Kitaran hayat bermula dengan zaman bujang, kepada zaman perkahwinan (dan pembentukan unit keluarga asas), pertumbuhan keluarga (dengan kelahiran anak-anak), penguncupan keluarga (dengan anak-anak yang telah dewasa meninggalkan rumah), dan diakhiri dengan pembubaran unit keluarga asas tadi (dengan kematian salah seorang daripada pasangan hidup).

PENYELIDIKAN-PENYELIDIKAN MASA LEPAS

Penganalisan Kitaran Hayat Keluarga adalah satu langkah yang penting kepada ahli-ahli pemasaran kerana dengan menggunakan konsep ini mereka boleh memetakan keluarga-keluarga kepada pasaran-pasaran sasaran yang lebih bermakna. Konsep ini adalah angkubah komposit yang dibentuk dengan penyatuan secara sistematik angkubah-angkubah demografi yang sering digunakan seperti taraf perkahwinan, saiz keluarga, umur ahli-ahli keluarga (selalunya yang paling tua atau yang paling muda) dan pekerjaan ketua isi rumah (Slama & Taschian 1985).

Angkubah-angkubah Kitaran Hayat Keluarga telah digunakan untuk mengkaji pelbagai aspek kewangan dan corak perbelanjaan keluarga (Wagner & Hanna 1983). Slama dan Taschian (1985) telah menggunakan enam peringkat Kitaran Hayat Keluarga dalam kajian mereka untuk menentukan sama ada ahli-ahli yang berada di peringkat kitaran yang mempunyai anak-anak di rumah mempunyai penglibatan pembelian yang lebih tinggi daripada yang tidak mempunyai anak-anak di rumah. Wagner dan Hanna (1983) pula telah menggunakan angkubah-angkubah Kitaran Hayat Keluarga yang asal yang telah di perkenalkan oleh Wells dan Gubar (1966) untuk dibandingkan dengan angkubah-angkubah dalam kitaran Hayat Keluarga moden yang telah diubahsuai oleh Murphy dan Staples (1979).

Walaupun penggunaan model ini begitu meluas sekali, terdapat banyak masalah yang timbul. Akibatnya, pelbagai kritikan telah ditujukan kepada

pengkaji-pengkaji yang menggunakan model ini dalam kajian mereka. Salah satu dari masalah-masalah itu ialah kegagalan meliputi ke semua faktor yang tertentu mengenai kitaran hayat. Sebagai contoh, seorang dewasa yang tidak berumah tangga diketepikan, iaitu dikeluarkan daripada data seperti yang dilakukan oleh Andrian dan Daniels (1976), ataupun diletakkan di bawah senarai peringkat Kitaran Hayat Keluarga yang paling hampir sekali dengan ciri-cirinya (Korbin 1976; Stampfl 1978). Oleh itu, konsep Kitaran Hayat Keluarga yang didefinisikan sedemikian akan kehilangan banyak maklumat.

Berbagai alternatif telah diperkenalkan untuk memperbaiki keadaan ini. Murphy dan Staples (1979) berpendapat bahawa banyak maklumat telah hilang akibat daripada penggunaan model Kitaran Hayat Keluarga yang dipelopori oleh Wells dan Gubar (1966) untuk mengkaji penggunaan makanan (Derrick & Leheld 1980), perkhidmatan (Arndt 1979), dan masa rihat (Hisrich & Peters 1974; Landon & Locander 1979; Settle, Alreck & Belch 1979). Justeru itu, Murphy dan Staples telah memperkenalkan Kitaran Hayat Keluarga moden yang unik, meliputi kedua-dua peringkat iaitu penceraian dan ketiadaan anak. Model yang mereka cadangkan itu mempunyai 13 peringkat kesemuanya. Walau bagaimanapun, model itu masih mempunyai kelemahannya kerana tidak meliputi pasangan yang tinggal bersama, individu-individu yang tidak pernah berumah tangga yang mempunyai anak, pasangan yang telah berpisah, janda dan duda muda dan janda dan duda dalam pertengahan umur.

Walaupun wujud beberapa batasan dan kelemahan, model Kitaran Hayat Keluarga telah memberikan gambaran yang mendalam ke atas aktiviti-aktiviti penggunaan tertentu yang tidak boleh diperolehi dengan hanya menggunakan satu angkubah demografi sahaja. Wagner dan Hanna (1983) telah menunjukkan dalam kajian mereka bahawa angkubah-angkubah demografi yang terdapat dalam model ini terutama sekali pendapatan, telah mempengaruhi corak perbelanjaan untuk makanan dan perkhidmatan. Slama dan Taschian (1985) juga telah membuktikan bahawa peringkat-peringkat yang berbeza dalam model ini yang mempunyai ciri-ciri angkubah demografi yang berbeza, yang dapat mempengaruhi sesuatu corak pembelian.

Dengan menggunakan konsep Kitaran Hayat Keluarga yang telah diperkenalkan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu, kajian dalam kertaskerja ini akan cuba mengenalpasti (1) apakah peringkat-peringkat kitaran yang wujud di Lembah Kelang, dan (2) ciri-ciri penting dari segi pemasaran yang terdapat pada tiap-tiap peringkat ini. Hasil daripada kajian ini adalah diharapkan dapat membantu ahli-ahli pemasaran dalam memasarkan keluaran mereka kepada pasaran sasaran yang lebih bermakna.

TUJUAN PENYELIDIKAN

Perbincangan ini bertujuan mengenalpasti ciri-ciri Kitaran Hayat Keluarga khususnya di Lembah Kelang. Kebanyakan penyelidikan yang telah dibuat adalah mengenai ciri-ciri Kitaran Hayat Keluarga di negara Barat. Kedua-dua ciri ini mungkin berbeza di antara satu sama lain kerana wujudnya perbezaan corak hidup, kebudayaan, ekonomi, politik dan lain-lain lagi.

Dengan mengetahui ciri-ciri kitaran ini, adalah diharapkan agar ahli-ahli pemasaran akan dapat menggunakannya untuk membuat pemetakan pasaran sasaran dalam bentuk yang lebih bermakna lagi. Di samping itu, angkuh-angkuh demografi yang berkaitan dengan ciri-ciri Kitaran Hayat Keluarga dapat dilihat dan dikenalpasti dengan lebih teliti lagi.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Seramai 20 orang penemuduga dipilih daripada sekumpulan pelajar-pelajar dari Fakulti Pengurusan Perniagaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Mereka yang akan mengutip data telah pergi ke kawasan-kawasan penyelidikan yang telah dipilih secara rambang mengikut kumpulan yang terdiri daripada 5 orang setiap kumpulan. Setiap kumpulan mempunyai pengawas mereka masing-masing yang telah dilantik untuk menentukan supaya penyelidikan itu berjalan dengan lancar.

KAEDAH-KAEDAH PERSAMPELAN

Responden-responden telah dipilih dari lapan kawasan yang berbeza, iaitu Banting, Hulu Langat, Dengkil, Kajang, Kuala Selangor, Petaling Jaya, Damansara Heights, Ukay Heights dan Bukit Kenny. Tujuan pemilihan kawasan-kawasan ini adalah untuk mendapatkan responden-responden daripada semua lapisan masyarakat iaitu berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi.

Proses pengutipan data melibatkan kaedah persampelan berprobabiliti. Bagi kawasan-kawasan Damansara Heights, Ukay Heights dan Bukit Kenny, semua jalan-jalan di kawasan itu disenaraikan. Jalan-jalan tertentu telah dipilih mengikut jadual nombor rambang. Seterusnya rumah-rumah telah dipilih mengikut persampelan bersistematik, sehingga melengkapkan saiz sampel yang telah ditetapkan.

Bagi kawasan Petaling Jaya, kaedah persampelan berkelompok secara berperingkat telah digunakan. Menerusi kaedah ini, seksyen-seksyen di Petaling Jaya disenaraikan dan pemilihan seksyen-seksyen yang tertentu dibuat berdasarkan nombor rambang. Seterusnya, jalan-jalan tertentu dipilih daripada seksyen-seksyen itu dengan cara yang sama. Akhir sekali, rumah-rumah responden dipilih secara persampelan bersistematik sehingga memenuhi saiz sampel.

Bagi kawasan-kawasan Banting, Hulu Langat, Dengkil, Kajang dan Kuala Selangor, semua lot-lot rumah telah disenaraikan. Kemudian pemilihan rumah-rumah telah dibuat dengan menggunakan jadual nombor rambang sehingga melengkapai saiz sampel.

Sebanyak 1,500 soal selidik telah digunakan, dan 90.6% adalah sesuai untuk penganalisan. Ini adalah akibat daripada beberapa faktor. Pertama ialah kerana soalselidik yang ditinggalkan oleh penemuduga-penemuduga kadangkala tidak diperolehi semula. Kedua, terdapat di antara soal selidik itu yang mempunyai banyak soalan-soalan yang kosong kerana tidak diisikan atau terdapat maklumat-maklumat penting yang tidak diisikan dengan lengkap.

ALAT-ALAT PENGUKUR

Soal selidik-soal selidik ini telah dibentuk untuk mendapatkan maklumat yang meliputi aspek-aspek demografi responden. Untuk mendapat maklumat ini soalselidik telah mengemukakan 14 soalan mengenai latar diri responden seperti tempat tinggal, jantina, umur, taraf perkhawinan, taraf kekeluargaan, taraf pendidikan dan lain-lain lagi.

HASIL KAJIAN

CIRI-CIRI DEMOGRAFI RESPONDEN

Taburan responden yang desampelkan yang ditunjukkan dalam Lampiran A adalah selaras dengan struktur taburan penduduk di Malaysia. Kebanyakan mereka terdiri daripada orang-orang Melayu iaitu 53.6%, diikuti dengan orang Cina, 32.2%, India sebanyak 10.7% dan lain-lain keturunan sebanyak 3.5%. Jadual ini juga menunjukkan bahawa lebih daripada setengah responden-responden terdiri daripada kaum wanita (55.3%) sementara 44.6% adalah kaum lelaki. Responden-responden ini berada dalam lingkungan umur di antara 25 hingga 35 tahun (30.17%) dan di antara 36 hingga 45 tahun (27.37%).

Hasil daripada kajian ini juga menunjukkan bahawa 40.39% daripada responden mempunyai jumlah pendapatan keluarga dalam lingkungan \$1,000 atau kurang sebulan. Dari jumlah ini, 51% berpendapatan \$500 atau kurang. Keluarga-keluarga yang berpendapatan di antara \$1000 hingga \$2,000 sebulan pula adalah 16.7%. Walau bagaimanapun, peratusan mereka yang berpendapatan \$3,000 atau lebih adalah lebih tinggi lagi iaitu 24.99%.

Dari segi pendidikan pula, lebih daripada separuh telah mencapai sekurang-kurangnya taraf pendidikan sehingga tingkatan lima iaitu seramai 61.2%. Kira-kira 7.7% pula menyatakan yang mereka tidak pernah bersekolah. Jumlah mereka yang berijazah adalah tinggi iaitu seramai 22.9%

CIRI-CIRI KITRAN HAYAT KELUARGA

Ciri-ciri Kitaran Hayat Keluarga akan dibincangkan mengikut peringkat-peringkat yang telah dipelopori oleh Wells dan Gubar (1966). Wells dan Gubar telah memperkenalkan 9 peringkat dalam Kitaran Hayat Keluarga iaitu peringkat bujang (orang bujang yang tidak tinggal bersama-sama keluarga), isrumah tanpa anak, kediaman penuh I (anak bongsu berumur di bawah 6 tahun), kediaman penuh II (anak bongsu berumur 6 tahun dan ke atas), kediaman penuh III (anak-anak telah bekerja dan berumah tangga), kediaman kosong I (suami masih bekerja dan anak-anak tidak tinggal bersama), kediaman kosong II (suami sudah bersara dan anak-anak tidak tinggal bersama), suami atau isteri bersendirian tetapi masih bekerja, dan suami atau isteri bersendirian tetapi tidak bekerja lagi. Kitaran Hayat Keluarga yang dibentuk oleh Wells dan Gubar ini adalah kitaran yang berbentuk tradisional. Mereka berpendapat bahwa kebanyakan keluarga mengikut peringkat-peringkat tradisional ini dalam Kitaran Hayat Keluarga.

Berdasarkan kepada perangkaan mengenai saiz dan struktur umur penduduk Malaysia pada tahun 1985 (Jadual 7), adalah didapati bahwa penduduk Malaysia yang berusia 56 tahun dan ke atas hanya mewakili 8% daripada jumlah penduduk Malaysia. Sementara hasil kajian yang telah dijalankan menunjukkan yang mereka yang berada dalam peringkat kediaman kosong I, kediaman kosong II, dan suami atau isteri bersendirian merangkumi hanya 4.4% (Jadual 1) daripada jumlah responden. Oleh itu, untuk kajian ini peringkat-peringkat yang telah diperkenalkan oleh Wells dan Gubar itu telah diubahsuai. Peringkat-peringkat kediaman kosong I, Kediaman kosong II dan suami atau isteri bersendirian disatukan dan dikenali sebagai kediaman kosong.

Ciri-ciri demografi yang digunakan untuk menerangkan ciri-ciri peringkat Kitaran Hayat Keluarga adalah taraf perkahwinan, saiz keluarga, umur ahli keluarga (anak yang tertua atau termuda), pekerjaan, taraf pendidikan dan pendapatan. Kesemua angkubah-angkubah ini merupakan ciri-ciri yang boleh digunakan untuk tujuan pemasaran.

Peringkat Pertama: Bujang

Peringkat ini terdiri daripada responden-responden yang masih belum berumah tangga tetapi tinggal berasingan daripada ibubapa mereka. Seramai 18.8% responden berada dalam peringkat ini (Jadual 1). Seramai 73.37% daripada responden ini berada dalam ingkungan 25 hingga 35 tahun. Menurut kajian yang dilakukan ini, kebanyakan daripada mereka mendapat pendidikan sekurang-kurangnya sehingga di peringkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP/LCE) (Jadual 7). Hanya 30.08% saja daripada jumlah orang bujang ini yang masih belum bekerja. Mereka ini sama ada masih menuntut lagi atau sedang aktif mencari perkerjaan (Jadual 8). Lebih daripada separuh jumlah orang bujang ini mempunyai pendapatan kurang daripada \$1500 sebulan. Ada juga di

antara mereka yang mempunyai pendapatan melebihi \$5000 sebulan.

Walaupun kebanyakan golongan ini telah bekerja, namun pendapatan mereka adalah kurang daripada \$1500 sebulan. Kemungkinan mereka baru bekerja dan masih belum stabil lagi dalam bidang pekerjaan mereka. Disebabkan mereka masih belum berumahtangga, tanggungjawab kewangan mereka adalah kurang. Mereka merupakan pasaran yang amat baik bagi barangan dapur yang asas, kelengkapan rumah yang asas, kereta, hiburan, pusat rekreasi dan juga peralatan sukan. Golongan ini juga lebih mudah terpengaruh dan peka dengan dunia fesyen.

JADUAL 1. Jumlah dan peratusan responden bagi setiap taraf kekeluargaan

	Jumlah	Peratusan
Bujang	256	18.8%
Isirumah tanpa anak	57	4.2%
Kediaman Penuh I	398	29.3%
Kediaman Penuh II	395	29.1%
Kediaman Penuh III	192	14.1%
Kediaman Kosong	60	4.4%
Tidak bertanda	1	0.1%
Jumlah	1358	100.0%

Peringkat Kedua: Isirumah Tanpa Anak

Peringkat kedua ini terdiri dari mereka yang telah berumahtangga tetapi masih belum mempunyai anak. Terdapat seramai 4.2% keluarga yang termasuk dalam golongan ini (Jadual 1). Seramai 80.7% daripada responden ini berada dalam usia 25 hingga 35 tahun. Kebanyakan daripada mereka (89.29%) telah berumahtangga kurang daripada 5 tahun. Walaupun kebanyakan daripada mereka telah bekerja, terdapat juga di antara responden ini yang masih menuntut atau masih mencari pekerjaan. Seramai 17.86% merupakan surirumah tangga. Lebih kurang 29.82% responden ini berada dalam kumpulan yang berpendapatan di antara \$2001 hingga \$5000 sebulan. Ini mungkin kerana kedua-dua pasangan bekerja dan mendapat dua punca pendapatan. Kebanyakan responden-responen dalam peringkat ini mendapat pendidikan sekurang-kurangnya sehingga di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/MCE). Seramai 39.29% daripada responden ini mendapat pendidikan sehingga di peringkat ijazah.

Golongan ini merupakan golongan yang mempunyai kadar pembelian yang tertinggi sekali. Oleh kerana mereka masih belum mempunyai anak dan mempunyai dua punca pendapatan, mereka masih menikmati corak hidup seperti orang bujang tetapi bezanya mereka terpaksa menikmatinya bersama

pasangan mereka. Golongan ini merupakan pembeli yang berpotensi bagi peti sejuk, dapur masak, alat-alat perabot yang lebih canggih dan lain-lain peralatan kelengkapan rumah. Mereka juga banyak terlibat dengan aktiviti-aktiviti rekreasi.

Peringkat Ketiga: Kediaman Penuh I

Peringkat ini terdiri daripada mereka yang sudah berkeluarga dan mempunyai beberapa orang anak tetapi anak yang bongsu masih berumur di bawah 6 tahun.

Seramai 29.3% keluarga berada di peringkat ini (Jadual 1). Mereka yang dalam lingkungan umur 25 hingga 35 tahun adalah sebanyak 63.38%. Mereka (65.41%) telah berumah tangga kurang daripada 10 tahun (Jadual 4). Seramai 73.77% responden pula mengatakan yang mereka mempunyai kurang daripada 3 orang anak atau 3 orang anak sahaja (Jadual 5).

Lebih daripada 80% daripada responden-responden ini telah mendapat pendidikan awal di sekolah, di mana 26.20% mempunyai ijazah dan 20.15% hanya sampai di tahap sekolah rendah sahaja. Seramai 37.03% daripada responden ini merupakan surirumah tangga, sementara 20.42% pula terlibat dalam bidang profesional. Seramai 24.62% responden dalam kumpulan ini berpendapatan di antara \$1000 dan kurang sebulan merangkumi 44.22% daripada jumlah responden ini.

Kumpulan ini mempunyai kadar perbelanjaan yang tinggi. Oleh kerana mereka telah mempunyai anak, wang perbelanjaan adalah tinggi. Perbelanjaan banyak tertumpu kepada keperluan anak-anak. Ibu bapa generasi ini semakin cerewet mengenai kualiti dan nilai khasiat makanan anak-anak mereka. Mereka juga lebih memilih bila membeli barangan mainan anak-anak mereka. Mereka membeli pakaian anak-anak mereka mengikut perkembangan fesyen yang terbaru sekali. Golongan ini merupakan pembeli yang sangat berpotensi untuk mesin basuh, pakaian anak-anak, alat-alat permainan dan perkhidmatan perubatan juga penjagaan anak-anak.

Peringkat Keempat: Kediaman Penuh II

Kumpulan ini terdiri dari mereka yang telah berumahtangga dan mempunyai beberapa orang anak tetapi anak mereka yang bongsu berumur lebih daripada 6 tahun.

Kumpulan ini adalah seramai 29.01% (Jadual 1) daripada jumlah responden. Seramai 58.12% daripada responden-responden ini telah berumahtangga selama 11 hingga 20 tahun (Jadual 4). Jumlah responden yang berusia di antara 36 hingga 45 tahun ialah 54.73%. Kebanyakan daripada mereka mempunyai anak kurang daripada 3 orang atau 3 orang saja (Jadual 5).

Responden dalam peringkat kediaman penuh II ini merupakan surirumah tangga (37.60%) dan golongan profesional (21.48%). Jumlah responden yang mendapat pendidikan hanya di peringkat sekolah rendah adalah seramai 20.46%. Namun mereka yang mencapai pendidikan sehingga di peringkat ijazah dan diploma adalah masing-masing seramai 25.32% dan 6.65%. Responden yang tidak pernah mendapat pendidikan yang formal adalah seramai 7.42%.

Kumpulan ini mempunyai kedudukan kewangan yang agak teguh kerana suami telah stabil dalam pekerjaan mereka. Ada di antara isteri-isteri bekerja semula kerana anak telah dewasa. Oleh kerana anak-anak telah semakin besar, barangan yang dibeli juga selalunya dalam jumlah yang lebih besar. Ahli-ahli dalam peringkat ini merupakan generasi yang cerewet juga bila membeli barangan untuk anak-anak mereka. Mereka sering mempersoalkan mengenai faedah dan nilai keluaran itu kepada anak-anak mereka.

Kumpulan ini merupakan pasaran yang berpotensi bagi barangan makanan, peralatan sekolah (seperti buku, pensil dan pen) dan keperluan anak-anak remaja juga restoran makanan segera.

JADUAL 2. Peratusan responden mengikut umur bagi setiap taraf kekeluargaan

Umur Responden	<20thn	21-35 thn	36-45 thn	46-55 thn	>55 thn
Taraf Kekeluargaan					
Bujang	19.67	73.77	4.51	2.05	0
Isirumah Tanpa Anak	-	80.70	7.02	10.53	0
Kediaman Penuh I	0.76	63.38	30.81	3.54	1.52
Kediaman Penuh II	-	17.90	54.73	20.72	6.65
Kediaman Penuh III	-	1.52	8.42	46.84	43.16
Kediaman Kosong	-	3.33	5.0	33.33	58.33

Chi-square=1293.41, p=0.000

JADUAL 3 Peratusan responden mengikut lama berumah tangga bagi setiap taraf kekeluargaan

Lama Berumah tangga (tahun)	< 5	6-10	11-15	16-20	21-25	26-30	31-35	36-40	41-45	46-50	51-55	>56
Taraf Kekeluargaan:												
Isirumah tanpa anak	89.29	5.36	1.79	-	-	1.79	-	-	1.79	-	-	-
Kediaman Penuh I	28.79	36.62	19.19	10.86	1.77	1.26	0.51	0.76	-	0.25	-	-
Kediaman Penuh II	1.02	12.44	24.11	34.01	17.77	7.11	2.03	0.76	0.25	0.51	-	-
Kediaman Penuh III	-	-	-	2.67	12.83	36.90	22.99	13.90	5.35	3.21	1.07	1.07
Kediaman Kosong	3.44	-	1.72	3.44	8.62	18.96	22.41	17.24	10.34	10.34	0.344	-

Chi-square 1353.897, p = 0.000

JADUAL 4. Peratusan responden mengikut jumlah anak bagi setiap taraf kekeluargaan

Jumlah anak	Sehingga 3 org.	4-5 org.	>drp 5 org.
Taraf kekeluargaan:			
Bujang	-	-	-
Isirumah Tanpa Anak	-	-	-
Kediaman Penuh I	73.73	19.19	7.07
Kediaman Penuh II	67.51	23.35	9.14
Kediaman Penuh III	47.28	28.80	23.91
Kediaman Kosong	54.34	21.74	23.91

Chi-square = 72.064, p = 0.000

JADUAL 5. Peratusan responden mengikut pendapatan bagi setiap taraf kekeluargaan

Jumlah Pendapatan	<-\$500	\$501-\$1000	\$1001-\$1500	\$1501-\$2000	\$2001-\$2500	\$2501-\$5000	>\$5000
Taraf Kekeluargaan:							
Bujang	33.7	25.40	11.69	8.47	2.44	11.29	7.26
Isirumah Tanpa Anak	19.30	21.05	1.75	12.28	7.02	29.82	8.77
Kediaman Penuh I	24.87	19.35	7.29	8.04	4.02	24.62	11.81
Kediaman Penuh II	20.51	16.96	7.09	9.87	2.28	23.54	19.75
Kediaman Penuh III	32.81	23.44	9.90	4.69	2.60	16.15	10.42
Kediaman kosong	33.33	6.66	8.33	8.33	1.66	21.66	20.0

Chi -Square 125.214, p = 0.000

JADUAL 6. Malaysia Saiz penduduk dan struktur umur, 1985

Kumpulan Umur	'000	%
0 - 14	6,046.5	38.3
15 - 24	3,290.6	20.9
25 - 39	3,356.9	21.3
40 - 54	1,822.8	11.5
55 - 64	716.5	4.5
65+	557.8	3.5
Jumlah	15,791.1	100.0

Sumber: Rancangan Malaysia Kelima

JADUAL 7 Peratusan responden mengikut pendidikan bagi setiap taraf kekeluargaan

Taraf Pendidikan	Ijazah	Diploma	STP/HSC	SPM/MCE	SRP/LCE	Sekolah Rendah	Lain-lain	Tidak bersekolah
Bujang	18 62	14 17	14 17	38 46	10 53	2 43	1 62	-
Isirumah								
Tanpa anak	39 29	12 50	10 71	21 43	10 71	1 79	1 79	1 79
Kediaman penuh I	26 20	7 05	8 31	21 91	10 83	20 15	0 76	4 79
Kediaman penuh II	25 32	6 65	7 16	18 67	11 25	20 46	3 07	7 42
Kediaman penuh III	13 61	3 14	1 57	13 09	3 66	37.17	4 19	23 56
Kediaman Kosong	21 67	6 67	5 0	23 33	10 00	13 33	5 0	15 0

Taraf Kekeluargaan:

Chi-square = 324.461 p = 0.000

JADUAL 8 Peratusan responden mengikut pekerjaan bagi setiap taraf kekeluargaan

Pekerjaan	Pro- fesional	Perke- ranian	Jual- an	Perkhid- matan	Per- tanian	Penge- luaran	Usaha- wan	Suri- rumah	Pelajar	Cari kerja	Lain- lain
Taraf Kekeluargaan:											
Bujang	15 85	16 26	7 72	8 13	1 22	3 66	4 47	1 22	20 73	9 35	11 38
Isirumah tanpa anak	35 7	5.36	7 14	12 50	-	-	7 14	16 07	1 79	1 79	12 50
Kediaman Penuh I	22 42	6 30	1 76	7 05	1 51	3 27	7 30	37 03	0 25	0 25	12 85
Kediaman Penuh II	21 48	2 05	0 51	9 21	1 02	1 02	13 81	37 60	-	-	13 30
Kediaman Penuh III	13 09	1 05	1 05	4 19	6 28	0 52	4 71	43 98	0 52	0 52	24 08
Kediaman Kosong	18 97	5 17	-	3 45	1 72	-	12 07	31 03	-	-	27 59

Chi-square = 639 004 p = 0 000

JADUAL 9 Ciri-ciri perbezaan di antara taraf kekeluargaan

Ciri-ciri demografi	Lama Berumahtangga	Jumlah anak	Usia (tahun)	Pendidikan	Pekerjaan	Pendapatan
Taraf Kekeluargaan						
Bujang	-	-	<25	SPM/MCE	Pelajar	<\$1500
Istrumah tanpa anak	<5 thn	-	25-35	Ijazah	Profesional	\$2001-\$5000
Kediaman Penuh I	<10thn	3	25-35	SRP/LCE	Surirumah	\$1000-\$2500
Kediaman Penuh II	11-20thn	4-5	36-45	Sek Rendah	Surirumah	\$1000-\$2500
Kediaman Penuh III	>20thn	>5	46-55	Sek Rendah/ Tak Sekolah	Surirumah	\$1000-\$2500
Kediaman Kosong	>30thn	-	>55	Sek Rendah/ Tak Sekolah	Surirumah/ bersara	<\$500

Peringkat Kelima: Kediaman Penuh III

Peringkat kelima ini terdiri dari responden yang berkeluarga yang mempunyai anak tetapi ada di antara anak-anak mereka yang telah bekerja dan berumahtangga.

Jumlah responden dalam kumpulan ini hanya seramai 14.1% (Jadual 1). Kebanyakan daripada mereka telah berumahtangga melebihi 20 tahun (Jadual 4) dan mempunyai anak kurang daripada 3 orang atau 3 orang sahaja (Jadual 5). Jumlah responden yang mempunyai anak lebih daripada 5 orang agak ramai (23.91%).

Responden yang berada dalam kumpulan berusia di antara 46 hingga 55 tahun adalah seramai 46.84%. Mereka terdiri daripada surirumah tangga (43.98%) dan kumpulan profesional (13.09%). Seramai 23.56% daripada jumlah responden ini tidak pernah mendapat pendidikan formal, sementara 37.17% mendapat pendidikan sehingga di peringkat sekolah rendah sahaja.

Kumpulan ini mempunyai anak-anak yang telah bekerja dan berumahtangga. Kadar pembelian mula merosot dengan beberapa orang anak meninggalkan rumah. Ramai di antara isteri-isteri telah bersara dan menjadi suri rumahtangga sepenuhnya. Oleh itu, pendapatan adalah kurang. Namun pendapatan yang kurang adalah mencukupi kerana tanggungjawab terhadap anak-anak telah berkurangan. Ada pula di antara anak-anak yang memberi sumbangan kepada keluarga. Dengan pemergian beberapa orang anak dari rumah, perbelanjaan dalam rumah juga adalah berkurangan. Kumpulan ini merupakan pasaran yang berpotensi bagi kelengkapan rumah yang baru, peralatan yang tidak diperlukan dan barang-barang perhiasan.

Peringkat Keenam: Kediaman Kosong

Kediaman kosong ini meliputi 4 jenis golongan. Golongan yang pertama adalah responden-responden yang berkeluarga dan masih bekerja tetapi anak-anak sudah tidak tinggal bersama. Golongan yang kedua pula adalah responden-responden yang berkeluarga tetapi telah bersara dan anak-anak sudah tidak tinggal bersama. Golongan yang ketiga terdiri dari suami atau isteri yang tinggal bersendirian tetapi masih bekerja, sementara golongan yang terakhir sekali adalah suami atau isteri yang tinggal bersendirian tetapi sudah bersara.

Keempat-empat golongan ini mempunyai satu persamaan iaitu anak-anak sudah tidak tinggal bersama. Tambahan lagi, jumlah responden yang terdapat dalam peringkat ini adalah kecil, maka perbincangan akan meliputi kesemuanya sekali.

Jumlah responden yang berada dalam peringkat kediaman kosong ini ialah seramai 4.4% sahaja (Jadual 1). Mereka berada di dalam lingkungan umur melebihi 55 tahun (Jadual 3) dan telah berumahtangga selama melebihi 30 tahun (Jadual 4).

Responden-responden ini merupakan suri rumahtangga (31.03%) dan pesara (27.59%). Ramai juga di antara responden ini telah mendapat pendidikan hingga di peringkat ijazah (21.67%). Mereka yang tidak pernah bersekolah dan hanya berada di sekolah rendah adalah masing-masing seramai 15.0% dan 13.33%. Golongan ini memperoleh pendapatan kurang daripada \$500 sebulan (33.33%).

Kumpulan ini yang telah berada dalam usia bersara dan mempunyai pendapatan yang kurang, hanya akan membuat perbelanjaan berdasarkan kepada barangan yang perlu saja. Pada peringkat ini mereka banyak berbelanja ke atas barangan untuk menjaga kesihatan dan barangan yang boleh membantu hidupan harian mereka. Dengan anak-anak yang berjauhan dari rumah, mereka sering bersendirian dan kadang-kala hidup tanpa bantuan dari orang lain. Kumpulan ini agak sukar untuk mempercayai apa-apa pengiklanan dan mereka belajar melalui pengalaman mereka yang matang. Kumpulan ini merupakan pasaran yang berpotensi untuk barangan ubat-ubatan, barangan yang memberi kemudahan dan membantu penghidupan harian dan perkhidmatan penjagaan. Mereka juga sering bercuti atau melancang ke tempat lain.

IMPLIKASI

Hasil kajian yang dilakukan telah mengenalpasti 6 peringkat dalam Kitaran Hayat Keluarga di Lembah Kelang. Peringkat-peringkat yang telah dikenalpasti adalah bujang, isirumah tanpa anak, kediaman penuh I, kediaman penuh II, kediaman penuh III dan kediaman kosong. Di antara peringkat-peringkat ini, peringkat-peringkat yang penting adalah bujang, kediaman penuh I, kediaman penuh II, kediaman penuh III (Jadual 1). Ini dapat dilihat dengan jelas dalam Jadual 1 di mana lebih daripada 90% responden berada di peringkat-peringkat tersebut.

Hasil kajian ini juga telah mengenalpasti ciri-ciri perbezaan di antara Kitaran Hayat Keluarga ini. Walaupun terdapat beberapa ciri-ciri persamaan di antara peringkat-peringkat ini, namun terdapat beberapa perbezaan di antara peringkat-peringkat yang amat penting bagi ahli pemasaran. Jadual 9 telah meringkaskan ciri-ciri perbezaan di antara peringkat-peringkat dalam Kitaran Hayat Keluarga di Lembah Kelang. Peringkat bujang berusia kurang daripada 25 tahun dan mempunyai pendapatan kurang daripada \$1500 sebulan mempunyai keperluan dan keinginan yang berbeza daripada kediaman penuh I. Mereka tidak mempunyai tanggungan, maka perbelanjaan dibuat hanyalah untuk diri mereka sendiri. Bagi kediaman penuh I, II atau III, corak penggunaan dipengaruhi oleh anak-anak. Kebanyakan pendapatan keluarga dibelanjakan untuk memenuhi keperluan anak-anak. Selain daripada itu, anak-anak pada peringkat usia yang berbeza pula mempunyai keperluan yang berbeza. Justeru itu, ahli-ahli pemasaran mesti memastikan perbezaan yang agak ketara di

antara peringkat-peringkat agar pembentukan strategi pemasaran mereka adalah bersesuaian dengan keadaan pasaran mereka.

PENUTUP

Penganalisaan Kitaran Hayat Keluarga yang telah dikenalpasti di Lembah Kelang ini telah menunjukkan perbezaan yang wujud di antara peringkat-peringkat ini dengan peringkat-peringkat yang telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji yang lepas seperti Wells dan Gubar (1966) dan juga Murphy dan Staples (1979). Hasil kajian ini telah membuktikan bahawa terdapat perbezaan di antara taraf kekeluargaan di Lembah Kelang khususnya, dengan taraf kekeluargaan di Barat.

Model Kitaran Hayat Keluarga yang telah dikenalpasti ini membolehkan ahli-ahli pemasaran untuk memetakan keseluruhan keluarga ke dalam pasaran yang lebih jelas, berbeza dan tepat. Pemetaan mengikut peringkat dalam Kitaran Hayat Keluarga membolehkan ahli-ahli pemasaran membentuk keluaran dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan tertentu pada setiap peringkat hidup keluarga dan untuk merekabentuk dan melaksanakan strategi promosi setelah mana pasaran sasaran telah diketahui.

LAMPIRAN A

Ciri-Ciri Demografi	Jumlah	Peratusan
Keturunan		
Melayu	728	53.6%
Cina	437	32.2
India	146	10.7
Lain-lain	48	3.5
	<u>1359</u>	<u>100.0%</u>
Jantina		
Lelaki	606	44.6%
Perempuan	751	55.3
Tiada Jawapan	2	.1
	<u>1359</u>	<u>100.0%</u>
Umur		
25 tahun dan ke bawah	196	14.4%
26 - 35 tahun	410	30.2
36 - 45 tahun	372	27.4
46 - 55 tahun	217	15.9
56 - 65 tahun	114	8.4
66 tahun dan ke atas	38	2.9
Tidak bertanda	12	0.8
	<u>1359</u>	<u>100.0%</u>
Pendapatan		
Bawah \$500	360	26.5%
\$501 - \$1000	268	19.7
\$1001 - \$1500	113	8.3
\$1501 - \$2000	114	8.4
\$2001 - \$2500	41	3.0
\$2501 - \$3000	122	9.0
\$3000 ke atas	340	25.0
Tidak bertanda	1	0.1
	<u>1359</u>	<u>100.0%</u>
Pendidikan		
Ijazah	311	22.8%
Diploma/Kolej	106	7.8
STP/HSC	108	7.9
SPM/MCE	307	22.6
SRP/LCE	135	9.9
Sekolah Rendah	248	18.2
Lain-lain	31	2.3
Tidak bersekolah	104	7.7
Tidak bertanda	9	.7
	<u>1359</u>	<u>100.0%</u>
Taraf Perkahwinan		
Kahwin	1109	
Bujang	250	
	<u>1359</u>	

RUJUKAN

- Adrian, J. & Daniels, R. 1976. Impact of socioeconomic factors on consumption of selected food nutrients in the United States. *American Journal of Agricultural Economics* 58:31-38.
- Arnth, J. 1979. Family life cycles as a determinant of size and composition of household expenditure. *Advances In Consumer Research* 6:128-132.
- Blattberg, R.C. & Ser, S.K. 1974. Market segmentation using models of multidimensional purchasing behavior. *Journal of Marketing* 38:17-28.
- Derrick, F.W. & Lehfeld, A.K. 1980. The family life cycle: An alternative approach. *Journal of Consumer Research* 7:214-217
- Filiatrault, P. & Ritchie, J.R.B. 1980. Joint purchasing decision: A comparison of influence structure in family and couple decision - making units. *Journal of Consumer Research* 7:131-40.
- Fritzche, D.J. 1981. An analysis of energy consumption patterns by stage of family life cycle. *Journal of Marketing Research* 28:227-232.
- Hisrich, R.D. & Peters, M.P. 1974. Selecting the superior segmentation correlate. *Journal of Marketing* 38:60-63.
- Jones, J. M. & Zufryden, F.S. 1982. An approach for assessing demographic and price influence on brand purchase behavior. *Journal of Marketing* 46:36-46.
- Korbin, F.E. 1976. The primary individual and the family: Changes in living arrangements in the United States since 1940. *Journal of Marriage and the Family* 34:233-239.
- Landon, E.L., Jr. & Locander, W.B. 1979. Family life cycle and leisure behavior research. *Advances in Consumer Research* 6:133-138.
- Lazer, W. & Mallwood, J.E. 1977. The changing demographics of women. *Journal of Marketing*, 14-22.
- Lovelock, C.H., Stiff, R. Cullwick, D. & Kaufman, I.M. 1976. An evaluation of the effectiveness of drop off questionnaire delivery. *Journal of Marketing Research* 13:358-364.
- McCann, J.M. & Reibstein, D.J. 1985. Forecasting the impact of socioeconomic and demographic change on product demand. *Journal of Marketing Research* 22:415-23.
- Murphy, P. & Staples, W.A. 1979. A modernized family life cycle. *Journal of Consumer Research* 6:12-22.
- Reynolds, F.D., Crask, M.R. & Wells, W.D. 1977. Modern feminine life-style. *Journal of Marketing* 41:38-45.
- Roberts, M.L. & Wortzel, L.H. 1979. New life-style determinants of women's food shopping behavior. *Journal of Marketing* 43:28-39.
- Settle, R.B., Alreck, P.L. & Belch, M.A. 1979. Social class determinants of leisure activity. *Advances in Consumer Research* 6:139-145.
- Slama, M.E. & Tashchian, A. 1985. Selected socioeconomic and demographic characteristics associated with purchasing involvement. *Journal of Marketing* 49:72-82.
- Stampfl, D.W. 1978. The consumer life cycle. *Journal of Consumer Affairs* 12:207-217
- Wagner, J. & Hanna, S. 1983. The effectiveness of family life cycle variables in consumer expenditure research. *Journal of Consumer Research*, 10:281-291.

- Wells, W.D. & Gubar, G. 1966. Life cycle concept in marketing research. *Journal of Marketing Research* 3:355-363.
- Zeithaul, V.A. 1985. The new demographics and market fragmentation. *Journal of Marketing* 49:64-82.
- Rancangan Malaysia Kelima.*

Jabatan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Perniagaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E.